

KOTA BAHRU, 22 OKT (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGEMUKAKAN SATU FORMULA KEPADA PEHAK-PEHAK YANG TERLIBAT DALAM KRISIS POLITIK DI NEGERI KELANTAN UNTUK MENYELESAIKAN KRISIS TERSEBUT.

FORMULA TERSEBUT TELAH DIKEMUKAKAN DALAM DUA PERTEMUAN BERASINGAN DENGAN PEHAK YANG BERTENTANGAN DI SINI. DATUK SERI DR. MAHATHIR MULANYA MENEMUI MENTERI BESAR DATUK HAJI MOHAMED NASIR DI KEDIAMANNYA DI SINI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI KEMUDIAN MENGADAKAN PERTEMUAN PULA DENGAN KUMPULAN 20 ORANG AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI KELANTAN DARI PASTERMASUK TIMBALAN MENTERI BESAR, HAJI WAN ISMAIL IBRAHIM.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA DI LAPANGAN TERBANG PENKALAN CHEPA SEBELUM BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR MALAM INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PEHAK PAS AKAN MENIMBANGKAN FORMULA TERSEBUT.

BAGAIMANAPUN BELIAU TIDAK MEMBERI BUTIR-BUTIR FORMULA ITU.

BELIAU HANYA MENYATAKAN IA TELAH DIPERSETUJUI OLEH PERDANA MENTERI, DATUK HUSSEIN ONN YANG TELAH MEMINTA BELIAU MENGEMUKAKANNYA KEPADA PEHAK-PEHAK YANG BERKENAAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PEHAK UMNO YANG JUGA MENGANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI ITU MUNGKIN DAPAT MENERIMA FORMULA TERSEBUT. — BERSAMBUNG 1943/ZCM

EE

8615s

MAHATHIR 2 KOTA BAHRU 'a'a'a'

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYATAKAN KEADAAN KESELAMATAN DI NEGERI KELANTAN ADALAH TERKAWAL DAN DAPAT DIJAGA OLEH ANGGOTA-ANGGOTA PASUKAN KESELAMATAN.

BAGAIMANAPUN BELIAU DUKACITA KERANA PERINTAH BERKURUNG DI KOTA BAHRU TIDAK DAPAT DILONGGARKAN HARI INI MEMANDANGKAN BEBERAPA KEJADIAN YANG TELAH BERLAKU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR TIBA DI SINI TENGAHARI TADI DENGAN SEBUAH PENERBANGAN KHAS TUDM DAN BERADA DI SINI SELAMA KIRA-KIRA ENAM JAM.

BELIAU TELAH MENDENGAR TAKLIMAT MENGENAI KESELAMATAN DI BILIK GERAKAN DI IBUPEJABAT POLIS DI SINI. — BERNAMA 1944/ZCM